



Disediakan oleh:

AHMAD REDZUAN ABDUL HADI
Ketua Penolong Pengarah, BPE

NEWSLETTER

PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN


Pengenalan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020 secara langsung memberi kesan kepada aktiviti ekonomi di Malaysia. Berdasarkan kepada dapatan Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi Dan Individu (Pusingan 1) yang diterbitkan pada 9 April 2020, Subsektor Perhutanan dan Pembalakan turut terkesan di mana 52.9 peratus responden menyatakan akan mengalami pengurangan pendapatan.

Sumbangan kepada Ekonomi

Sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK menyusut kepada 7.3 peratus pada tahun 2018 daripada 8.3 peratus pada tahun 2015. Sumbangan yang semakin mengecil ini adalah disebabkan oleh kemerosotan terutamanya dalam subsektor perhutanan & pembalakan yang mencatatkan sumbangan sebanyak 6.9 peratus pada tahun 2018 berbanding 9.0 peratus pada tahun 2015.

Paparan 1: Peratus Sumbangan kepada KDNK Pertanian mengikut Subsektor, 2015 dan 2018 pada Harga Malar 2015.



Sumber: Penerbitan Akaun Negara Keluaran Dalam Negeri Kasar, 2015-2018

Pengganda Nilai Ditambah menyediakan anggaran nilai ditambah terhadap barang atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam keseluruhan ekonomi. Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mencatatkan nilai 0.93 bagi pengganda nilai ditambah. Ini bermaksud peningkatan RM1 permintaan akhir bagi subsektor tersebut menyumbang sebanyak RM0.93 nilai ditambah dalam ekonomi.


1

Penemuan Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

1. Nilai Output Kasar

Nilai output kasar menurun 12.5 peratus setahun daripada RM7,552.2 juta pada 2015 kepada RM5,778.6 juta pada 2017. Trend yang sama ditunjukkan bagi tempoh 2010 hingga 2015 dengan penurunan sebanyak 1.4 peratus setahun daripada RM8,111.0 juta pada tahun 2010. Kumpulan pembalakan kekal sebagai penyumbang utama dengan RM3,740.3 juta (64.7%) daripada keseluruhan output kasar.

Paparan 2: Output kasar mengikut kumpulan industri, 2017



Sumber: Statistik Ekonomi Tahunan Sektor Pertanian

2. Nilai Ditambah

Nilai ditambah subsektor perhutanan dan pembalakan pada tahun 2017 yang adalah sebanyak RM2,283.4 juta dengan penurunan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 12.8 peratus dalam tempoh dua tahun. Manakala, bagi tempoh 2010 hingga 2015 nilai ditambah turut menurun dengan 2.2 peratus setahun daripada RM3,360.8 juta kepada 3,006.0 juta. Kumpulan pembalakan merupakan penyumbang utama dengan 61.1 peratus (2017: RM1,394.6 juta).

Paparan 3: Nilai ditambah mengikut kumpulan industri, 2017




Sumber: Statistik Ekonomi Tahunan Sektor Pertanian

2

Penemuan Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, 2017

Paparan 4: Bilangan pekerja mengikut kategori pekerja dan jantina, 2017



Sumber: Statistik Ekonomi Tahunan Sektor Pertanian

3. Bilangan pekerja, gaji dan upah

Pada tahun 2017, subsektor Perhutanan dan Pembalakan mencatatkan bilangan pekerja sebanyak 22,643 orang berbanding 26,034 orang pada 2015 dengan penurunan sebanyak 6.7 peratus setahun. Sebaliknya, bagi tempoh 2010 hingga 2015 Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus setahun daripada 24,048 orang pada tahun 2010.

Jumlah gaji & upah yang dibayar pada tahun 2017 adalah RM653.0 juta berbanding RM737.3 juta pada tahun 2015. Purata kadar pertumbuhan tahunan mencatatkan 5.9 peratus setahun bagi tempoh 2015 hingga 2017 dengan purata gaji & upah bulanan sebanyak RM2,430.

4. Nilai Harta Tetap

Nilai Harta Tetap bagi subsektor Perhutanan dan Pembalakan mencatatkan RM2,378.2 juta pada tahun 2017 menyusut daripada RM3,127.3 juta pada tahun 2015 dengan kadar purata penurunan 9.6 peratus setahun. Subsektor Pembalakan kekal sebagai penyumbang utama dengan 83.7 peratus diikuti oleh subsektor Perkhidmatan sokongan perhutanan dan subsektor Silvikultur & aktiviti perhutanan lain masing-masing dengan 9.4 peratus dan 6.9 peratus sumbangan.

Paparan 5: Nilai Harta Tetap Subsektor Perhutanan dan Pembalakan Mengikut Kumpulan Industri, 2017




Sumber: Statistik Ekonomi Tahunan Sektor Pertanian

Pengeluaran Produk Kayu-kayan Utama mengikut Negeri

Negeri Sarawak merupakan pengeluar terbesar produk kayu-kayan bagi tahun 2018 dengan jumlah pengeluaran 9.78 juta m³. Pahang merupakan negeri kedua terbesar dengan jumlah pengeluaran 2.78 juta m³ diikuti oleh Sabah (2.20 juta m³), Kelantan (1.51 juta m³) dan Terengganu (1.01 juta m³).

Paparan 6: Pengeluaran produk kayu-kayan utama mengikut negeri, Malaysia, 2018



Nota:

Aktiviti subsektor Perhutanan dan Pembalakan termasuk aktiviti pengeluaran kayu balak untuk industri berdasarkan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.